

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG. DATUK KAMARUL BAHRIN BIN A. KASIM  
KETUA PENGARAH  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

**SEMPENA PERASMIAN:  
KERAJAAN NEGARA KOTA YANG HILANG**

**PADA 29 JANUARI 2020  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

## **SALUTASI**

YBhg. Dato' Noor Zari bin Hamat

Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

H.E Mr. Ham Kimson

Under Secretary of State

Ministry of Culture and Fine Arts, Cambodia

Pak Siswanto Hadi Sumitro

Kepala Museum

Museum National Indonesia (MNI)

YBrs. Encik Mohd. Azmi bin Mohd. Yusof

Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman)

Ketua-ketua jabatan/ agensi serta Pegawai-pejawai kanan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya,

Dato'-Dato'/Datin-datin, Tuan-tuan/Puan-puan serta para jemputan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana diberikan peluang dan ruang untuk bersama-sama para hadirin sekalian berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan perasmian Pameran Kerajaan Negara Kota Yang Hilang, Pesona Malaysia dan Pelancaran Kalendar Acara 2020 Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Saya, bagi pihak Jabatan Muzium Malaysia juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua para tetamu kehormat, tetamu jemputan khas daripada Cambodia dan Indonesia, pegawai-pegawai kanan di bawah MoTAC, para wakil media dan pegawai serta kakitangan Jabatan Muzium Malaysia.

*A special greeting to the Cambodia and Indonesia delegates, it is an honor for the Department of Museums Malaysia under The Ministry of Tourism, Arts and Culture to welcome the delegates to be here with us for this opening ceremony of the exhibition. We would like to thank you on your cooperation and appreciate your altruistic support regarding this exhibition.*

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Majlis yang diadakan pada hari ini adalah julung-julung kalinya diadakan bagi merasmikan dua pameran serentak iaitu Pameran Negara Kota Yang Hilang (*The Lost Kingdoms*) dan Pesona Malaysia (*Enchanting Malaysia*) serta pelancaran Kalendar Acara 2020 bagi program anjuran Jabatan Muzium Malaysia. Jika diteliti, Pameran Negara Kota Yang Hilang (*The Lost Kingdoms*) dalam konteks ini merujuk kepada kerajaan-kerajaan atau negara kota (*city-state*) yang pernah menjadi pusat pemerintahan sesebuah kerajaan yang telah hilang atau lopus pada zaman sejarah

moden. Sehingga kini, bukti kewujudan kerajaan-kerajaan awal di Nusantara yang bersifat negara kota ini masih lagi dapat dilihat dari beberapa aspek seperti binaan dan tinggalan kota, candi, batu bertulis (prasasti dan inskripsi) dalam bentuk bahasa Melayu kuno dan sanskrit serta lain-lain artifak hasil jumpaan arkeologi umpamanya di Lembah Bujang dan Sungai Batu (Malaysia), My Son, Phan Rang, Oc Eo (Vietnam), Angkor Wat, Preah Viher, Sambor Preikok (Cambodia), Candi Prambanan, Candi Burobudor, Candi Sukuh, Trowulan (Indonesia) dan Takua Pa dan Yarang (Thailand). Negara Kota ini telah wujud sekitar abad ke 1M sehingga 14M dan mempunyai pengaruh yang besar dari segi politik, ekonomi dan sosial yang merangkumi kebudayan serta kepercayaan masyarakat pada zaman tersebut. Pameran Negara Kota Yang Hilang (*The Lost Kingdoms*) ini melibatkan jalinan kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dengan beberapa buah muzium dalam kalangan negara anggota ASEAN iaitu *Museum Nasional Indonesia* dan *National Museum of Cambodia*. Kerjasama sebegini penting sebagai usaha memartabatkan kualiti pameran serta program JMM standing dengan program antarabangsa lainnya. Ini memandangkan JMM adalah ahli kepada ANMA (*Asian National Museums Association*), ICOM-ASPAC (*International Council of Museums Asia-Pacific Alliance*) dan ICOM yang sentiasa menggalakan kerjasama antarabangsa.

Manakala, Pameran Pesona Malaysia bertujuan untuk memperkenalkan kepelbagaian budaya dan kekayaan khazanah negara kepada masyarakat tempatan dan juga pelancong luar negara dengan mempersembahkan 32 koleksi terpilih Jabatan Muzium Malaysia yang merangkumi sejarah, budaya, kepelbagaian kaum dan etnik serta alam semula jadi di Malaysia.

Keindahan dan keunikan Malaysia telah mula diperkatakan melalui catatan para pedagang dan pelayar sama ada dari Eropah, China, India dan Timur Tengah sejak dahulu lagi. Kedudukan geografinya yang terletak di persimpangan antara Asia dan Eropah begitu strategik dan menjadi laluan perdagangan utama di Nusantara sehingga mendapat jolokan '*Emporium of the East*' atau 'Pusat Perdagangan Timur'. Keunikan flora dan faunanya yang endemik juga menjadi tarikan utama negara ini di samping limpahan hasil bumi meliputi darat serta laut yang pernah direkodkan sebagai komoditi utama perdagangan dalam catatan sejarah khususnya semasa zaman kegemilangan Empayar Kesultanan Melaka dan kepulauan Borneo pada abad ke-8 hingga ke-15 masihi. Selain keindahan muka buminya, Malaysia juga menjadi pusat pertembungan budaya sejak zaman-berzaman sehingga melahirkan masyarakat yang kaya dengan pelbagai bangsa, budaya, bahasa, adat-resam, kepercayaan dan cara hidup.

Di samping itu, selari dengan Tahun Melawat Malaysia 2020, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) komited mengalu-alukan kedatangan pengunjung di seluruh dunia bagi mencapai sasaran 30 juta jumlah pengunjung ke negara pada tahun ini. JMM juga telah merancang sebanyak 140 program yang mampu dijadikan produk pelancongan negara bagi menarik pelancong selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang dilancar oleh Perdana Menteri baru-baru ini. Antara Pameran yang dirancang adalah seperti Pameran Firaun, Pameran Paranormal, Pameran Ular, Pameran Emas selain daripada program *signature* JMM seperti Nostalgia Anak Kampung dan Denai Malam. Semua ini bakal membawa satu nafas baru dalam era permuziuman negara sepertimana yang digariskan dalam Dasar Permuziuman Negara 2020.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Saya yakin dengan pameran yang dirancang, maka kita sama-sama dapat menimba dan meluaskan ilmu berkaitan sejarah warisan negara dan pada masa yang sama mempromosikan keunikan Malaysia kepada pelancong tempatan dan luar. Pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan sekalung penghargaan ada ucapan terima kasih kepada pihak yang komited memastikan pameran dan program yang dirancang di bawah JMM berjalan dengan lancar. Syabas dan tahniah kepada pihak penyelidik dan urusetia kedua buah pameran kerana berjaya menganjurkan pameran sebegini dan diharapkan ianya berjaya mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Saya juga berharap program-program yang dilancarkan oleh JMM mampu memenuhi selera pengunjung semua sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Justeru saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini mengalu-alukan kehadiran semua pihak ke Majlis Perasmian Pameran Negara Kota Yang Hilang, Pesona Malaysia dan Pelancaran Kalendar Acara 2020 Jabatan Muzium Malaysia. Semoga pameran JMM dapat mencapai matlamat yang disasarkan.

Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.